



The Observer

15.04.2022

❖ **Elakkan 'overboarding': Panjang langkah koyak pesak seluar, tinggi loncat tembuk ubun-ubun.**

Tanggungjawab dan beban kerja ahli lembaga pengarah semakin meningkat. Komitmen masa dan potensi berlakunya konflik kepentingan turut mempengaruhi prestasi mereka. Justeru, 'overboarding' atau pengarah yang memegang terlalu banyak jawatan dalam lembaga yang berbeza, melebihi had yang disyorkan, menjadi topik sensitif dalam bidang tadbir urus korporat hari ini.

Institutional Shareholder Services (ISS) dari Amerika Syarikat menyifatkan lonjakan dalam purata komitmen masa untuk lembaga pengarah sebagai sudah "meletup".

Salah satu isu penting berkaitan kekangan masa ialah ketidakupayaan seseorang pengarah yang memegang terlalu banyak jawatan untuk mengambil bahagian dalam mesyuarat lembaga tergeper yang diadakan pada saat-saat akhir untuk membincangkan isu-isu yang mendesak.

Dalam hal ini, ISS mengesyorkan supaya pemegang saham mengundi menentang atau tidak mengundi seseorang pengarah yang memegang jawatan dalam lebih daripada lima lembaga pengarah syarikat awam.

Penyedia perkhidmatan tadbir urus, Glass Lewis, mengikuti ketetapan yang dimulakan oleh ISS dengan menyatakan bahawa ia berhasrat untuk menyemak dengan teliti komitmen setiap ahli lembaga pengarah dengan menyuarakan kebimbangan mereka terhadap pengarah bukan eksekutif yang memegang jawatan dalam lebih daripada lima lembaga pengarah.

Bagi pengarah yang memegang jawatan eksekutif dalam syarikat awam tersenarai (*public limited companies*, PLC), Glass Lewis mengesyorkan supaya mereka tidak berkhidmat dalam lebih daripada dua lembaga pengarah.

Kakitangan sepenuh masa/ sambilan

Tidak seperti pengarah bukan eksekutif bebas (*independent non-executive directors*, INEDs), pengarah eksekutif adalah kakitangan sepenuh masa yang dibayar gaji dan pada masa yang sama, memegang jawatan dalam lembaga pengarah.

Biasanya mereka berkhidmat untuk syarikat dalam kapasiti pengurusan kanan yang lazimnya dikaitkan dengan penggubalan dasar atau bidang fungsian utama yang

mempunyai kepentingan strategik misalnya kewangan, sumber manusia atau pengurusan projek.

Mereka dipilih sebagai ahli lembaga pengarah oleh Jawatankuasa Pencalonan atau lembaga pengarah syarikat itu sendiri dan mereka berperanan untuk merangka dan melaksanakan strategi yang menjimatkan masa dan kos.

Bandingkan situasi mereka dengan fleksibiliti yang dinikmati oleh INED yang tidak mengambil bahagian dalam pengurusan dan operasi syarikat tetapi memainkan peranan penting dalam penggubalan dasar, perancangan serta membuat keputusan untuk syarikat.

Dalam erti kata lain, INED boleh dianggap sebagai “kakitangan sambilan” yang dilantik sebagai ahli lembaga pengarah berdasarkan kelayakan mereka seperti tahap kelulusan/ ilmu pengetahuan dan berpengalaman luas yang membantu lembaga mendapatkan pandangan yang relevan serta membina rangkaian.

Memandangkan mereka kurang dibatasi kekangan masa untuk melaksanakan tugas, INED boleh memegang jawatan dalam beberapa lembaga pengarah (terhad kepada lima seperti yang disyorkan oleh ISS dan Glass Lewis serta mengikut Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia) selagi mereka dapat mengikuti jadual mesyuarat yang dirancang rapi atau dengan mengelakkan diri daripada terlibat dalam konflik kepentingan.

Pro dan kontra

Tanpa mengira seseorang itu pengarah eksekutif atau INED, terdapat pelbagai pandangan daripada kalangan pengamal tadbir urus korporat tentang ‘overboarding’. Ada aliran berpendapat bahawa pemegang saham adalah benefisiari utama kerana penyertaan dalam lembaga yang lebih sedikit membolehkan seseorang pengarah memfokuskan komitmen mereka kepada peningkatan nilai.

Tiga kebimbangan utama yang mencetuskan semula isu ‘overboarding’ dalam kalangan pengarah:

- **Tanggungjawab lembaga pengarah yang semakin meningkat:** Para pengarah diharapkan supaya mendedikasikan lebih banyak masa untuk menjalankan tugas mereka. Bidang kuasa mereka semakin bertambah, didorong oleh pelbagai isu yang timbul seperti peningkatan keperluan kawal selia, jangkaan penglibatan dengan pemegang saham, ancaman keselamatan siber, teknologi disruptif, perubahan iklim, pengurusan modal insan dan budaya dalam sesebuah syarikat.
- **Usaha pengawasan pelabur yang semakin canggih dan dipergiatkan:** Pemilik aset dan pengurus aset mendedikasikan lebih banyak sumber untuk memantau risiko tadbir urus korporat dan pada masa yang sama menekankan kualiti lembaga pengarah. Oleh yang demikian, ‘overboarding’ turut menjadi isu kritikal selain kepelbagaian lembaga pengarah, kelayakan pengarah dan penyegaran lembaga pengarah.

- **Pelabur bermaklumat:** Penzahiran berkaitan mandat lembaga pengarah luar negara mempunyai pangkalan data yang lebih baik. Oleh yang demikian, pelabur boleh menggunakan kriteria yang kompleks ke atas dasar 'overboarding' yang tidak terhad kepada bilangan mandat lembaga sahaja malah mengambil kira peranan dan tanggungjawab secara individu.

Walau bagaimanapun, ada aliran pemikiran lain yang percaya bahawa seseorang pengarah yang memegang jawatan dalam berbilang lembaga mempunyai kelebihan tersendiri terutama dari segi:

- **Perkongsian pengetahuan yang berharga:** Ahli lembaga pengarah yang memegang jawatan dalam berbilang lembaga dapat menyumbangkan pengetahuan dan orang hubungan yang ada kalanya merupakan faktor penting untuk bergerak ke hadapan. Mereka boleh berbuat demikian tanpa melanggar etika.
- **Mempertingkatkan ketangkasan:** Pengarah yang mempunyai pengalaman memegang jawatan dalam berbilang lembaga pengarah mempunyai gabungan kepakaran 'penskalaan' dan perkongsian industri bagi membantu merangka laluan yang menguntungkan pada masa hadapan.
- **Perspektif yang lebih luas:** Pengarah yang memainkan pelbagai peranan akan belajar untuk bekerja lebih rapat dengan pengarah lain, dapat meningkatkan kesedaran diri dan lebih berkesan dalam hal-hal tadbir urus.

Di Malaysia, seseorang pengarah hanya boleh berkhidmat dalam lima syarikat awam tersenarai (PLC), mengikut Keperluan Penyenaaraan Bursa Malaysia. Pemegang saham minoriti perlu sedar yang tidak semua PLC serupa. Ada PLC yang menuntut lebih banyak masa berbanding PLC lain. Oleh yang demikian, seseorang pengarah mungkin tidak dapat menjalankan tugas dengan adil kepada PLC yang mana mereka memegang jawatan pengarah jika kesemua atau sebahagian daripada PLC ini dikategorikan sebagai 'PLC yang mendesak'.

Para pengarah perlu memainkan peranan dengan menggunakan kebijaksanaan dan budi bicara mereka serta menilai diri sendiri untuk melihat sama ada mereka mampu meluangkan masa dan tenaga yang diperlukan apabila mereka memegang jawatan sebagai pengarah dalam beberapa PLC. Mereka juga perlu mempertimbangkan jawatan mereka dalam syarikat tidak tersenarai dan organisasi lain.

Pengarah eksekutif (*executive directors*, ED) dianggap sebagai pekerjaan sepenuh masa. Oleh itu, sukar untuk membayangkan bagaimana seseorang ED boleh membahagikan masa untuk bekerja dalam lebih daripada sebuah PLC. Melihat dari sudut yang sama, ini mungkin menimbulkan konflik kepentingan apabila mempertimbangkan masa untuk diluangkan kepada sesebuah PLC.

❖ **Caely menggunakan siasatan audit forensik untuk menentukan kesan kewangan**

Ketika Lembaga Pemantauan Audit (*Audit Oversight Board*, AOB) Suruhanjaya Sekuriti (*Securities Commission*, SC) menyeru jawatankuasa audit (*audit committees*, AC) PLC untuk melibatkan juruaudit secara akrab dan berterusan bagi

menggalakkan proses audit yang berkesan, pengeluar pakaian dalam yang beribu pejabat di Perak iaitu Caely Holdings Bhd telah melangkah lebih jauh dengan melantik juruaudit forensik bebas untuk menyiasat dakwaan transaksi yang mencurigakan dan menyimpang daripada kebiasaan dalam salah sebuah anak syarikatnya.

Pelantikan Virdos Lima Consultancy (M) Sdn. Bhd, juruaudit forensik bebas telah diumumkan oleh Caely pada 7 April 2022.

Seterusnya, dalam pemfailan sebagai maklum balas kepada permohonan Bursa Securities untuk mendapatkan maklumat tambahan mengenai pelaksanaan audit forensik ke atas syarikatnya, Caely menyatakan ia akan mengemas kini kemajuan siasatan audit forensik dengan sewajarnya.

"Selepas menerima laporan audit forensik, syarikat akan melaksanakan semua tindakan yang diperlukan mengikut undang-undang selepas mendapatkan nasihat guaman," ujarnya lagi.

Buat masa ini, ia masih belum dapat memastikan kesan kewangan dan operasi yang berkaitan perkara itu sehingga siasatan selesai. Siasatan forensik dijadualkan siap pada 31 Mei.

Mengulas kejadian yang menimbulkan kekusaran yang membawa kepada siasatan forensik, Caely menyatakan bahawa salah seorang pengarah bebas bukan eksekutif kumpulan itu telah menerima sebuah pakej tanpa nama. Ia mengandungi dokumen yang memaparkan beberapa transaksi mencurigakan yang melibatkan anak syarikat milik penuh Caely iaitu Caely (M) Sdn Bhd (CMSB).

Terdahulu, juruaudit luar Caely iaitu PKF Malaysia telah mengeluarkan pendapat bersyarat ke atas penyata kewangan beraudit kumpulan bagi tahun berakhir 31 Mac 2020, berhubung keupayaan CMSB untuk mendapatkan semula penghutang tertentu.

Juruaudit menyatakan bahawa CMSB mempunyai penghutang dagangan berjumlah hampir RM12 juta pada 31 Mac 2020, yang berkaitan kerja-kerja pembinaan untuk Felcra Bhd yang telah siap pada 28 Februari 2018.

Walau bagaimanapun, syarikat hanya menerima RM250,000 sebagai bayaran balik sejak menyiapkan kerja-kerja pembinaan tersebut, dengan alasan pertukaran kerajaan dan pandemik COVID-19.

Memandangkan kesemua pembayaran untuk pembinaan tersebut telah ditangguhkan, PKF berpandangan bahawa kelewatan yang berpanjangan akan menyebabkan kejejasan kepada amaun dibawa bagi penghutang dagangan disebabkan ketidakpastian ke atas jumlah yang boleh diperoleh semula.

"Kami tidak pasti sama ada penghutang dagangan tertentu kumpulan yang berjumlah RM11.995 juta pada akhir tahun kewangan akan dapat diperoleh semula kerana sejumlah besar pembayaran yang berkaitan kerja-kerja pembinaan yang telah siap itu masih belum diterima," ujar juruaudit luar, memberikan justifikasi.

PKF menambah: "Kami tidak dapat memperoleh bukti audit yang cukup dan sesuai yang berkaitan penilaian rosot nilai ke atas amaun dibawa yang dinyatakan di atas bagi penghutang tersebut menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (*Malaysian Financial Reporting Standards, MFRS*) 9 Instrumen Kewangan. Oleh yang demikian, kami tidak dapat menentukan sama ada jumlah ini memerlukan sebarang pelarasan."

Devanesan Evanson
Ketua Pegawai Eksekutif

Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 18 hingga 22 April 2022

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
21.04.22 (Khamis) 10.00 pagi	Petronas Chemicals Group Berhad (AGM)	PCG merekodkan pendapatan tertinggi pada tahun 2021 yang berjumlah RM23 bilion, mewakili peningkatan 60% daripada RM14.4 bilion pada tahun 2020. Keuntungan bersihnya meningkat sekali ganda kepada RM7.3 bilion. Syarikat menjangkakan peningkatan permintaan untuk bahan kimia khusus akan membolehkannya mencapai sasaran 30% pendapatan tambahan daripada perniagaan bukan tradisional menjelang 2030. Peralihan ke arah penawaran produk dan proses yang mampan juga meletakkan syarikat di landasan yang betul untuk menjadi sifar bersih menjelang 2050.
21.04.22 (Khamis) 10.00 pagi	CIMB Group Holdings Berhad (AGM)	CIMB mencatatkan lantunan yang kukuh dalam pendapatan pada tahun kewangan 2021 berikutan pendapatan operasi yang lebih tinggi dan peruntukan yang lebih rendah. Keuntungan bersih melonjak 260% tahun ke tahun kepada RM4.3 bilion daripada RM1.19 bilion pada tahun kewangan 2020.

		Berdasarkan perkembangan berita, pemegang saham dijangka menumpukan kepada isu semasa, misalnya, ralat pemprosesan baru-baru ini yang melibatkan kesilapan mengkreditkan wang ke dalam akaun bank pelanggan.
21.04.22 (Khamis) 10.00 pagi	OSK Holdings Berhad (AGM)	OSK sekali lagi mencatatkan prestasi yang membanggakan bagi tahun kewangan 2021. Keuntungan sebelum cukainya meningkat 12% tahun ke tahun kepada RM464.6 juta dengan pendapatan berjumlah RM1.1 bilion. Peningkatan keuntungan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan prestasi Segmen Perkhidmatan Kewangan (termasuk Bahagian Pembiayaan Modal) yang menyaksikan keuntungan sebelum cukainya meningkat 29% tahun ke tahun, manakala kerugian Segmen Hospitaliti menyusut 50%.
21.04.22 (Khamis) 11.00 pagi	Poh Huat Resources Holdings Berhad (AGM)	Poh Huat mencatatkan keuntungan bersih berjumlah RM33.2 juta pada tahun kewangan 2021 berbanding RM51.9 juta pada tahun kewangan 2020. Jumlah ini tidak munasabah kerana kebanyakan pengeluar perabot mencatatkan keuntungan yang luar biasa sewaktu pandemik berikutan permintaan yang melambung untuk perabot. Syarikat mungkin perlu meneliti semula struktur kosnya bagi memastikan ia berada di tahap optimum.
21.04.22 (Khamis) 11.00 pagi	Malaysia Marine and Heavy Engineering Holdings Berhad (AGM)	Pendapatan MHB bagi tahun kewangan 2021 menyusut kepada RM1.47 bilion daripada RM1.57 bilion disebabkan pendapatan yang lebih rendah daripada perniagaan Marin. Meskipun pendapatannya

		menyusut, kerugian bersih Kumpulan berkurangan dengan ketara kepada RM274.1 juta daripada RM401.3 juta pada tahun sebelumnya disebabkan oleh kerugian rosot nilai yang lebih rendah yang diiktiraf pada tahun kewangan 2021.
--	--	--

Perkara penting untuk diketengahkan:

Syarikat	Perkara/ Isu untuk diketengahkan
Petronas Chemicals Group Berhad (AGM)	<p>1. Jumlah pengeluaran PCG menyusut daripada 10.7 juta tan setahun (<i>tonne per annum, tpa</i>) pada tahun 2020 kepada 10.4 juta tpa pada tahun 2021 (halaman 8, Laporan Bersepadu 2021), manakala keamatan pelepasan gas rumah hijau (<i>greenhouse gas, GHG</i>) meningkat kepada 0.67 tan kesetaraan karbon dioksida per tan (<i>carbon dioxide-equivalents per tonne, CO₂e/tonne</i>) pada 2021 berbanding 0.66 tan CO₂e/tonne pada 2020 (halaman 8, Laporan Bersepadu 2021).</p> <p>Mengapakah keamatan pelepasan gas rumah hijau meningkat walaupun jumlah pengeluaran menyusut?</p> <p>2. PCG telah beriltizam untuk mencapai pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050.</p> <p>a) Sejauh manakah kemajuan yang telah dicapai oleh Kumpulan dalam usaha untuk mengurangkan pengeluaran gas rumah hijau dan pengimbangan karbon?</p> <p>b) Apakah status pencapaian dalam perancangan Kumpulan untuk mencapai pelepasan karbon sifar bersih?</p>
CIMB Group Holdings Berhad (AGM)	<p>1. Pada Januari 2022, Kumpulan telah mengenal pasti ralat pemprosesan berkaitan perkhidmatan kiriman wang pihak ketiga tertentu yang menyebabkan pindahan dibuat kepada sebilangan pelanggan dikreditkan dua kali ke dalam akaun mereka.</p> <p>Oleh yang demikian, umum mempersoalkan kebolehpercayaan dan integriti sistem teknologi maklumat CIMB. Kejadian ini juga mencemarkan kedudukan CIMB sebagai sebuah institusi kewangan yang berwibawa dan boleh dipercayai.</p> <p>a) Berapakah bilangan pelanggan dan akaun yang terjejas disebabkan ralat pemprosesan ini?</p>

	<p>b) Berapakah keseluruhan jumlah yang terlibat?</p> <p>c) Apakah dapatan daripada penglibatan CIMB dengan pelanggannya untuk memulihkan situasi ini? Berapakah jumlah wang yang dikreditkan secara salah telah berjaya dibetulkan oleh CIMB?</p> <p>d) Apakah kesilapan/ kelemahan berkaitan infrastruktur pemprosesan transaksi CIMB yang mengakibatkan ralat ini? Adakah ia pernah diketengahkan dalam laporan audit dalaman Kumpulan sebelum ini?</p> <p>e) Apakah arahan daripada Bank Negara Malaysia kepada CIMB berikutan kesilapan pemprosesan ini?</p> <p>f) Apakah tindakan pemulihan yang diambil untuk menangani ralat pemprosesan seumpama ini? Apakah perancangan Kumpulan untuk mengelakkan ralat yang serupa daripada berulang pada masa hadapan?</p> <p>g) Bilakah Kumpulan akan menyelesaikan “semakan besar-besaran” terhadap kawalan, dasar dan prosedur yang berkaitan infrastruktur pemprosesan transaksinya? (halaman 164, Laporan Tahunan Bersepadu 2021)</p> <p>h) Kumpulan telah memperuntukkan jangkaan kerugian kredit (<i>expected credit losses, ECL</i>) berjumlah RM280.9 juta pada tahun kewangan 2021 disebabkan kejadian ini (halaman 206, Penyata Kewangan 2021).</p> <p>Berapa peratuskah daripada rosot nilai ini dijangka dapat dipulihkan?</p> <p>2. Walaupun CIMB berusaha untuk menyelesaikan insiden ini secara baik, sekumpulan 650 pemegang akaun Bank CIMB dilaporkan telah memfailkan saman berjumlah RM650 juta terhadap Bank. Ini adalah kerana kecuaiian yang menyebabkan kesilapan pemprosesan itu telah menyebabkan mereka menanggung hutang kerana akaun mereka dibekukan.</p> <p>Apakah pendirian CIMB dalam isu ini?</p>
OSK Holdings Berhad (AGM)	Bahagian Pembangunan Hartanah mencatatkan pendapatan berjumlah RM688.7 juta berbanding

	<p>RM664.5 juta pada tahun kewangan 2020. Keuntungan sebelum cukai (<i>profit before tax</i>, PBT) teras Bahagian pula berjumlah RM175.7 juta pada tahun kewangan 2021 berbanding RM239.8 juta pada tahun kewangan 2020. (Halaman 43, Laporan Bersepadu)</p> <p>Walaupun pendapatan meningkat sebanyak RM24.2 juta atau 3.6%, keuntungan sebelum cukai bagaimanapun menyusut RM64.1 juta atau 26.7% pada tahun kewangan 2021 berbanding tahun kewangan 2020.</p> <p>a) Mengapakah keuntungan sebelum cukai lebih rendah pada tahun kewangan 2021?</p> <p>b) Apakah langkah yang diambil untuk meningkatkan keuntungan sebelum cukai pada tahun kewangan 2022?</p>
<p>Poh Huat Resources Holdings Berhad (AGM)</p>	<p>1. Syarikat mencatatkan Keuntungan Selepas Cukai berjumlah RM32.2 juta pada tahun kewangan 2021 berbanding RM51.9 juta pada tahun kewangan 2020. (Halaman 3, Laporan Tahunan 2021). Penurunan prestasi Syarikat dilihat luar biasa kerana pengeluar perabot umumnya mencatatkan keuntungan yang kukuh sewaktu pandemik berikutan permintaan yang memberangsangkan.</p> <p>a) Apakah yang menyebabkan penurunan dalam keuntungan pada tahun kewangan berakhir 2021?</p> <p>b) Apakah langkah yang diambil oleh Syarikat untuk meningkatkan prestasinya pada tahun kewangan berakhir 2022?</p> <p>2. Yuran untuk fungsi audit dalaman Kumpulan pada tahun kewangan berakhir 31 Oktober 2021 berjumlah RM12,000. (Halaman 32, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>a) Melihat yurannya yang agak kecil (RM1,000 sebulan), bagaimanakah Jawatankuasa Audit memberikan jaminan terdapat perlindungan yang mencukupi dan fungsi audit yang berkesan?</p> <p>b) Apakah bidang yang dirangkumi oleh juruaudit dalaman sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Oktober 2021?</p> <p>c) Berapakah jumlah laporan audit dalaman yang dikeluarkan sepanjang tempoh tersebut?</p>

<p>Malaysia Marine and Heavy Engineering Holdings Berhad (AGM)</p>	<p>Kumpulan berjaya memperoleh kontrak daripada SapuraOMV Upstream (Sarawak) Inc. untuk menjalankan kerja-kerja kejuruteraan, perolehan, pembinaan, pemasangan dan pengoperasian (<i>engineering, procurement, construction, installation and commissioning</i>, EPCIC) bagi Projek Pembangunan Jerun SK408W, di luar pesisir Sarawak. (Halaman 29, Laporan Bersepadu)</p> <p>Sapura Energy Bhd memegang 40% kepentingan ekuiti dalam SapuraOMV Upstream (Sarawak) ("SOMVS"). SOMVS telah melantik pakar penstrukturan semula, Cosimo Borelli sebagai pengarah bukan eksekutif bukan bebas Syarikat untuk memulihkan Syarikat yang sedang menghadapi masalah kewangan yang serius.</p> <p>a) Adakah Kumpulan menghadapi sebarang isu kutipan daripada SOMVS? Berapakah jumlah terhutang setakat Februari 2022?</p> <p>b) Apakah profil pengusiaan bagi penghutang dagangan daripada SOMVS pada Disember 2021 dan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kumpulan untuk mendapatkan semula baki penghutang??</p>
--	--

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, (devanesan@mswg.org.my)
Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)
Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)
Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)
Ranjit Singh, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ranjit.singh@mswg.org.my)
Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ooi.benghooi@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- *Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.*

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.